


BH  
17/5/2015  
M/S. 5

# Lata Kinjang wajib dikunjungi

» Diiktiraf oleh laman web kembara Amerika sebagai air terjun terbaik Malaysia



Lata Cemerong

Oleh Kalsom Rahmathulah  
bminggu@bh.com.my

**M**alaysia mempunyai lebih 100 air terjun dan kebanyakannya tersembunyi dalam hutan.

Mendaki dan merentas (trekking) hutan adalah antara cara untuk menemui sebahagian besar air terjun itu.

Bagaimanapun, pengembaraan dalam hutan di Malaysia akan menjanjikan pengalaman menarik, terutama bagi mereka yang suka dengan aktiviti mengambil gambar.

Laman web [traveltips.usa-today.com](http://traveltips.usa-today.com) menyenaraikan air terjun Lata Kinjang di Tapah, Perak sebagai antara



Lata Kinjang.

tercantik dan paling tinggi di Malaysia. Lata Kinjang berkedudukan menegak setinggi 274.3 meter atau 900 kaki.

Curahan air yang menghempas batu dan lebih deras jika selepas atau ketika hujan. Aliran air terjun ini boleh dilihat dari Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS). Air terjun Lata Kinjang ini mengalir secara bertingkat-tingkat, dan apabila tiba pada bahagian paling bawah, kederasan

alirannya agak perlahan.

**Kolam mandi-manda**  
Pada tingkat tertentu hinggalah ke bahagian paling bawah, wujud beberapa 'kolam' yang sesuai untuk dijadikan aktiviti bermandi manda.

Lata Kinjang menjadi antara destinasi yang sering dikunjungi orang ramai. Persekitarannya nyaman, ada jambatan kecil, warung

makanan dan taman orkid.

Selain Lata Kinjang, laman web itu juga menyenaraikan Air Terjun Berkelah di Kuantan, Pahang dan Air Terjun Jelawang yang juga dikenali Air Terjun Stong di Kelantan serta Air Terjun Lata Cemerong di Terengganu.

Air Terjun Stong yang tingginya kira-kira 244 meter (800 kaki) atau tujuh tingkat bangunan terletak berhampiran Gunung Stong.